



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 20 JULAI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	STOK BERAS NEGARA MENCUKUPI, ONLINE, ASTRO AWANI	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	INDUSTRI PUYUH MAKIN BERKEMBANG DI PERLIS, ONLINE, HAKAKAH DAILY	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	THREE FRESHWATER FISH BREEDING CENTRES PLANNED BY 2027, NES, THE STAR - 4	LAIN-LAIN
4.	BASHAH: I GAVE NOD FOR DURIAN FARM, NATION, NST -3	
5.	3 PENDEKATAN ATASI ISU AMBIL PEKERJA ASING, NASIONAL, BH -2	
6.	PERLU AMBIL PEKERJA ASING NEGARA DILULUSKAN, BISNES, SH -30	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/7/2022	ASTRO AWANI	ONLINE	

Stok beras negara mencukupi - Ronald Kiandee

Hasimi Muhamad

Julai 19, 2022 18:53 MYT



Ronald menegaskan, bekalan stok beras adalah konsisten sepanjang tahun, dan melebihi daripada keperluan dalam negara - Foto Jabatan Penerangan

KUALA LUMPUR: Malaysia tidak berdepan masalah kekurangan simpanan beras seperti mana yang dihadapi beberapa negara jiran.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee menegaskan, stok beras adalah konsisten sepanjang tahun, dan melebihi daripada keperluan dalam negara.

ADVERTISING

Keadaan itu, ujarnya disokong oleh komitmen Padiberas Nasional Berhad (Bernas) untuk meningkatkan simpanan beras daripada 150,000 tan metrik kepada 290,000 tan metrik. "Jadi keperluan beras adalah pada kadar lebih kurang 220,000 tan metrik sebulan dan kita ada simpanan stok sebanyak 290,000 yang dipegang oleh Bernas, dan ditambah dengan perdagangan.

"Selain itu, penanaman padi sebanyak 70 peratus yang dibuat secara bergilir iaitu musim menuai di negeri Selangor dan beberapa negeri lain, manakala (padi) ditanam di Kedah dan Kelantan. Kitaran itu berpusing. Jadi kira mempunyai bekalan beras yang konsisten sepanjang tahun, " katanya di Dewan Rakyat hari ini.

Ronald berkata demikian ketika sesi penggulungan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Padi dan Beras (Pindaan) 2022.

Terdahulu, Datuk Seri Shamsul Iskandar (PH-Hang Tuah Jaya) ketika membahaskan RUU tersebut meminta penjelasan daripada kementerian berhubung bekalan stok beras dalam negara yang didakwa hanya mampu bertahan selama sebulan.

Dalam masa yang sama, Ronald berkata kementerian sedang berusaha untuk mengurangkan kebergantungan terhadap import beras sebanyak 30 peratus dengan pengurusan yang lebih efisien.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/7/2022	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Industri puyuh makin berkembang di Perlis

July 19, 2022



Oleh NOOR SARA MASHITOH MOHAMAD HANIF

KANGAR: Dasar Agromakanan Negara (2010-2020) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menggalakkan pengeluaran puyuh dan ayam kampung bagi meningkatkan bekalan dan memenuhi permintaan pasaran tempatan.

Justeru, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Perlis, Dr Adam Abdullah Kwan berkata, pihaknya memperuntukkan sebanyak RM125,000 bagi membangunkan industri puyuh.

“Pembangunan industri puyuh termasuk agihan anak puyuh, mesin penetasan telur baka, naik taraf reban dan pembangunan Agroprenuer Muda puyuh di kalangan golongan belia.

“Sehingga kini, bilangan ternakan puyuh di Perlis meningkat tiga kali ganda daripada 17,000 ekor pada tahun 2015 kepada 50,089 ekor pada tahun 2021,” katanya yang melawat ladang puyuh dan ayam kampung di sini, semalam. Antara ladang puyuh

bimbingan JPV yang berjaya di negeri ini ialah Ladang Puyuh Kayangan dan Ladang AHA.

Katanya lagi, bilangan penternak juga turut meningkat dari lapan kepada 24 ladang bagi tempoh yang sama seterusnya dapat menghasilkan sehingga 200,000 ekor setahun pada kadar pusingan empat kali setahun.

“Industri puyuh tidak memerlukan tapak kawasan besar untuk memulakan penternakan kerana reban boleh dibina secara bertingkat-tingkat.

“Pencemaran bau dan lalat juga minimum serta kadar penggunaan anitbiotik yang rendah atau hampir tiada kerana daya ketahanan penyakit tinggi,” ujarnya.

Katanya lagi, penternak puyuh kebanyakan hanya memberi vitamin tambahan kepada pemakanan harian.

“Melalui Inovasi TMR (Total-Mix-Ration) iaitu penghasilan makanan oleh penternak sendiri sedang giat diamalkan dan boleh mengurangkan kos makanan puyuh sehingga 60 peratus.

“Permintaan juga semakin meningkat di kalangan pengguna isirumah dan pengusaha restoran.

“Pengeluaran puyuh di Perlis akan ditingkatkan dengan perancangan membangunkan ladang baka berkapasiti 100,000 anak puyuh setahun.

“Hasil pengerluaran membolehkan, penternak membekalkan anak puyuh kepada ladang-ladang pengeluaran puyuh pedaging dan telur puyuh sekitar Perlis,” katanya.

Ujarnya lagi, industri ayam kampung juga kini dilihat semakin berkembang iaitu dari 24 ladang meningkat kepada 43 ladang bagi tempoh 2015 hingga 2021.

“Pembangunan industri adalah dari segi agihan anak ayam kampung, mesin penetasan telur baka dan pembangunan penternakan bernilai-tinggi secara organik.

“Permintaan semakin meningkat kerana keenakan daging ayam kampung yang mempunyai hasil kandungan glutamin dua kali ganda berbanding ayam komersil,” ujarnya.



Pengguna yang berminat mendapatkan bekalan proses segar produk puyuh dan ayam kampung sekitar Perlis boleh melayari Facebook JPV Perlis untuk senarai pembekal. – **HARAKHDAILY 19/7/2022**

Three freshwater fish breeding centres planned by 2027



Zahari signing a plaque to kick off the 'Eat freshwater fish' campaign in Taman Pelangi, Segamat. — Bernama

JOHOR government plans to build at least three fish breeding centres by 2027 to increase freshwater fish production in the state.

State agriculture, agro-based industry and rural development committee chairman Datuk Zahari Sarip said efforts to achieve 62% growth for aquaculture products would involve the northern, southern and central zones of Johor.

He said these included the implementation of the freshwater aquaculture development project using new technologies that were more effective in line with the fourth industrial revolution (IR 4.0).

"The project will also open up opportunities for those interested to

venture into freshwater fish farming.

"Freshwater fish production is expected to increase to 38,783 tonnes in the next five years, compared to the current 23,952 tonnes," he told a press conference after launching the "Jom Makan Ikan Air Tawar" (Let's eat freshwater fish) programme in Taman Pelangi, Segamat, Johor.

Meanwhile, Zahari said about 427,000 fish fry had been released in Johor waters since January.

"Some 13,500 freshwater fish fry were released at the Sungai Bantang Bekok Forest Eco Park and for the first time, fish fry from the *kelah* species were released in Johor waters," he said. — Bernama

GUNUNG INAS PROJECT

BASHAH: I GAVE NOD FOR DURIAN FARM

Approval meant to rehabilitate site left exposed from logging, says ex-MB

ADIE ZULKIFLI
ALOR STAR
news@nst.com.my

FORMER menteri besar Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah yesterday admitted that his administration had given an approval to ECK Development Sdn Bhd to carry out a Musang King plantation in Gunung Inas in Baling.

He said approval for a large-scale durian plantation was meant to rehabilitate the site, which was left exposed from logging activity.

"The approval was not for a new logging activity since it (logging) was already completed at the site prior to the approval.

"As such, the focus was to rehabilitate the site after the log-

ging activity was completed. It was more of a continuity to the activity proposed by the previous company entrusted for the site before that," Bashah said yesterday.

Bashah, who served as menteri besar between Feb 4, 2016, to May 10, 2018, said he had received the proposal from ECK to develop the logging site into a large-scale Musang King plantation.

He said as menteri besar, he did not make any hasty decision and the proposal was later presented to the state government for a series of evaluations and was deliberated in a special meeting for approval.

Bashah said ECK had earlier acquired Aman Mega Sdn Bhd, the company that had been appointed by his predecessor. It was learnt that Aman Mega was awarded a contract to develop forest farming by planting Timber Latex Clone at Compartment

8 of Gunung Inas.

Bashah added that he had received several proposals to develop the site, but it was ECK's proposal that seemed more convincing.

"Actually, we received many proposals, but for the state administration at that time, the proposal by ECK seemed to be more convincing.

"We took into account a lot of factors, including from the perspectives of the economy, nature, people's interests and so on.

"I wish to stress that the state government had given the approval to rehabilitate and protect the site, while, at the same time, the state government reaped the interest and return that was deemed as reasonable.

"What's important for the state government is that the Gunung Inas issue be addressed swiftly," Bashah said he was not point-

ing figures at anyone and he understood that whoever was leading the state, they would not allow the Gunung Inas issue to be left without a solution.

He pointed out that the transition of power from one menteri besar to another also brought along changes to the state administration, inevitably having some impact on such matters.

"It is not unusual for a government or new state administration to cancel or discontinue decisions made by the previous leadership.

"There is also nothing wrong with them to carry on with it. It is entirely up to them," he said.

"To me, the main issue (at that time) was for the state to come up with a solution to rehabilitate the site that had been logged.

"I am not saying that logging was wrong, since the activity must not be done recklessly without obtaining government approval.

"What I wish to stress here is that this issue should not be overly politicised. Please stop pointing fingers at each other and move on to take action to resolve

any issue that has arisen."

On July 4, more than 800 houses in 12 villages in Kupang, Baling, were flooded. Strong currents swept away 17 houses and damaged other homes. Three people also died in the incident.

The villagers claimed that the floods were triggered by a reservoir at the Musang King plantation in Gunung Inas, which had burst. They also claimed that there were at least 10 more reservoirs, each half the size of a football field, at the plantation site.

The incident had sparked a debate on which state administration had approved the project.

Menteri Besar Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor claimed that the project was approved by the previous administration.

Sanusi said his administration had issued a stop-work order on the project in July 2020, several months after assuming power.

He was reported as saying the instruction was issued after discovering that the company had breached initial approval for forest farming by planting durian trees.



Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah

3 pendekatan atasi isu ambil pekerja asing

Kuala Lumpur: Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi, semalam, memutuskan tiga pendekatan diambil kerajaan dalam mengambil isu dan cabaran penerimaan pekerja asing di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakub, berkata Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) bersama pihak industri, persatuan perniagaan serta pihak berkenaan perlu mengadakan pertemuan secara bersemuka bagi menyelesaikan isu pengambilan pekerja asing sehingga hujung bulan ini.

"Bagi pendekatan kedua, majikan digesa mempertimbang

pengambilan pekerja asing dari negara sumber yang diluluskan dan tidak bergantung kepada negara sumber tradisi saja.

"Ketiga, KSM digesa mempercepatkan pelaksanaan proses temu duga majikan dengan menambah bilangan penemu-duga di pusat sehenti (OSC) mengikut zon dan negeri," katanya dalam kenyataan, semalam.

Perdana Menteri yang memimpin Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi itu turut membincangkan usaha merangka kerena birokrasi dalam penyampaian perkhidmatan awam dan sekuriti makanan.

Beliau berkata, kerajaan

mendengar keluhan dan pandangan pemain industri berkaitan pasaran buruh negara yang kini berdepan kekurangan tenaga kerja asing yang kritikal.

Kejasama dengan swasta

Katanya, kerajaan akan meningkatkan kerjasama dengan pihak swasta melalui sesi forum yang berterusan.

"Mesyuarat ini juga mengambil maklum prestasi program MyMudah yang dilaksanakan di peringkat Kementerian Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bagi mengurangkan kerena birokrasi.

"Namun, masih banyak

rungutan diterima daripada pihak industri. Jadi, MPC diminta menyelesaikan isu berkaitan kerena birokrasi melalui pelaksanaan program MyMudah.

"Sebanyak 30 peratus isu diterima melalui MyMudah sudah diselesaikan dalam tempoh kurang 60 hari seperti disasarkan," katanya.

Justeru, katanya, kerajaan menggesa MPC berusaha menyelesaikan kes kompleks dalam tempoh 60 hari juga.

Pada masa sama, beliau berkata, mesyuarat bersejua supaya MPC menegerakan penubuhan Unit MyMudah bagi Kementerian yang belum melaksanakannya.

Katanya, tumpuan juga perlu diberi kepada penubuhan MyMudah pada peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam memastikan isu birokrasi dapat ditambah baik.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) pula diminta melaksanakan program berkaitan sekuriti makanan negara yang dipersetujui kerajaan dengan segera.

"Kita sentiasa berusaha memastikan permasalahan dihadapi pemain industri diselesaikan dengan segera melalui usaha sama oleh semua pihak bagi menjamin kesejahteraan Keluarga Malaysia secara inklusif dan menyeluruh," katanya

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/7/2022	SINAR HARIAN	BISNES	30

Perlu ambil pekerja asing negara diluluskan

Kerajaan mahu mendepani isu pengambilan pekerja asing dan gesa KSM percepatkan proses temu duga majikan

KUALA LUMPUR

Majikan digesa memper-timbangkan pengambilan pekerja asing dari negara sumber yang telah diluluskan dan tidak bergantung kepada negara sumber tradisi semata-mata sebagai antara usaha menangani kekurangan tenaga kerja asing.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kerajaan yang kekal komited mendepani isu dan cabaran pengambilan pekerja asing juga menggesa Kementerian Sumber Manusia (KSM) mempercepatkan pelaksanaan proses temu duga majikan dengan menambah bilangan penemu duga di Pusat Sehenti (OSC) mengikut zon dan negeri.

Selain itu, beliau berkata Majlis Tindakan Ekonomi turut membuat ketetapan agar Kementerian Dalam Negeri (KDN) bersama pihak industri, persatuan perniagaan dan pihak berkenaan mengadakan pertemuan secara bersemuka bagi menyelesaikan isu-isu pengambilan pekerja asing sehingga penghujung bulan



FOTO IHSAN PMO

Ismail Sabri mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi pada Selasa.

Julai ini.

"Kerajaan mendengar keluhan dan pandangan dari pemain industri berkaitan pasaran buruh negara yang kini berdepan dengan kekurangan tenaga kerja asing yang kritikal.

"Kerajaan akan terus mempertingkatkan kerjasama dengan pihak swasta melalui sesi libat urus yang berterusan," katanya dalam satu kenyataan selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi pada Selasa.

Ismail Sabri berkata, kerajaan turut menggesa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) untuk menyelesaikan kes-kes kompleks dalam masa 60 hari berikutan kejayaan agensi itu menyelesaikan 30 peratus isu-isu yang diterima melalui MyMudah dalam masa kurang daripada dua bulan.

Beliau berkata, mesyuarat ber-setuju supaya MPC menyegerakan

penubuhan Unit MyMudah di Kementerian yang belum melaksanakannya selain memberi tumpuan kepada penubuhannya di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan isu-isu birokrasi dapat ditambah baik.

"Mesyuarat mengambil maklum prestasi program MyMudah yang telah dilaksanakan di peringkat Kementerian oleh MPC bagi mengurangkan kerenah birokrasi, namun masih banyak rungutan diterima daripada pihak industri.

Oleh itu, MPC diminta menyelesaikan isu-isu berkaitan kerenah birokrasi melalui pengukuhan program MyMudah," katanya.

Perdana Menteri juga berkata Kementerian Pertanian dan Industri Makanan diminta melaksanakan program berkaitan sekuriti makanan negara yang telah dipersetujui kerajaan dengan segera. - Bernama